



**KIT
PENDIDIKAN
ALAM
SEKITAR**

GEOGRAFI

TINGKATAN I



Tingkatan 1

ISI KANDUNGAN KIT PENDIDIKAN ALAM SEKITAR UNTUK MATAPELAJARAN GEOGRAFI TINGKATAN 1

| NO. | ISI KANDUNGAN | MUKA |
|---------|---|------|
| 1 | Pendahuluan | i |
| 2 | Kata-Kata Aluan Oleh Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum | ii |
| 3 | Kata-Kata Aluan Oleh Pengarah Eksekutif WWF-Malaysia | iii |
| 4 | Matriks Kandungan Kit Pendidikan Alam Sekitar Untuk Matapelajaran Geografi Tingkatan 1 | iv |
| 5 | UNIT/BAB 8: Kesan Kegiatan Manusia Terhadap Alam Sekitar | |
| 5.1 | Aktiviti Pengukuhan Pengajaran Dan Pembelajaran | |
| 5.1.1 | Latihan Pengukuhan 1 | 3 |
| 5.1.2 | Latihan Pengukuhan 2 | 4 |
| 5.1.3 | Latihan Subjektif | 6 |
| 5.2 | Latihan Pengukuhan | |
| 5.2.1 | Aktiviti 1: Soalan Teka Silangkata (Pelajar) | 9 |
| 5.2.2 | Aktiviti 1: Jawapan Teka Silang Kata (Guru) | 10 |
| 5.2.3 | Audit Alam Sekitar Sekolah | 11 |
| 5.3 | Fakta Tambahan | |
| 5.3.1 | Perubahan Iklim Dunia | 12 |
| 5.3.1.1 | Kesan Rumah Hijau | 12 |
| 5.3.1.1 | Pulau Haba | 14 |
| 5.3.2 | Hujan Asid | 16 |
| 5.4 | 1. Sampel Poster Kesan Hujan Asid <i>(Terdapat Di Dalam 'Cd-Rom' Yang Disertakan)</i> | 17 |
| 6 | Unit/Bab 11: Pengaruh Manusia Terhadap Cuaca Dan Iklim | |
| 6.1 | Aktiviti Pengukuhan Pengajaran Dan Pembelajaran | |
| 6.1.1 | Latihan Pengukuhan 1 | 21 |
| 6.2 | Latihan Pengukuhan | |
| 6.2.1 | Aktiviti 1: Cari Jawapan Tersembunyi (Murid) | 22 |
| 6.2.2 | Aktiviti 1: Cari Jawapan Tersembunyi (Guru) | 23 |
| 6.2.3 | Aktiviti 2: Mewujudkan Teduhan/Pokok Angkat Di Kawasan Sekolah | 24 |
| 6.2.4 | Aktiviti 3: Melihat Kekotoran Dalam Air | 25 |
| 6.2.5 | Aktiviti 4: Mengenalpasti Tahap Pencemaran Udara Di Sekolah | 26 |
| 6.3 | Fakta Tambahan | |
| 6.3.1 | 10 Perkara Penting Yang Perlu Dilakukan Berkenaan Pemanasan Global | 27 |

| | | | |
|-----|-------|---|----|
| 6.4 | | Keratan Akhbar | 28 |
| 6.5 | | 'Power Point' - Iklim Dan Cuaca Mempengaruhi Manusia | |
| | | <i>(Terdapat Di Dalam 'Cd-Rom' Yang Disertakan)</i> | |
| | 6.5.1 | Power Point' 1: Pengaruh Cuaca Dan Iklim Terhadap Kegiatan Manusia | 29 |
| 7 | | Unit/Bab 14: | |
| | | Kepentingan Tumbuh-Tumbuhan Semula Jadi | |
| 7.1 | | Sepintas Lalu 'Bab 12 Dan 13' | |
| | 7.1.1 | Peta Taburan Tumbuh-Tumbuhan Semulajadi Di Malaysia | 37 |
| 7.2 | | 1. Aktiviti Pengukuhan Pengajaran Dan Pembelajaran | |
| | 7.2.1 | Latihan Pengukuhan 1 | 38 |
| | 7.2.2 | Latihan Pengukuhan 2 | 38 |
| | 7.2.3 | Latihan Pengukuhan 3 | 39 |
| 7.3 | | Aktiviti Pengukuhan | |
| | 7.3.1 | Kepelbagaian Biologi (Biodiversiti) | 40 |
| 7.4 | | Fakta Tambahan | |
| | 7.4.1 | Tahukah Anda | 42 |
| | 7.4.2 | Kepentingan Tumbuhan-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar | 43 |
| 7.5 | | 'Power Point' - Kepentingan Tumbuh-Tumbuhan Semula Jadi | |
| | | <i>(Terdapat Di Dalam 'Cd-Rom' Yang Disertakan)</i> | |
| | 7.5.1 | 'Power Point 1' - Kepentingan Tumbuh-Tumbuhan Semulajadi | 46 |
| | 7.5.2 | 'Power Point 2' - Profil Hutan Hujan Tropika | 52 |
| 8 | | Unit 15: | |
| | | Kesan Kegiatan Manusia Terhadap Tumbuh-Tumbuhan Semula Jadi Dan Hidupan Liar | |
| 8.1 | | Aktiviti Pengukuhan Pengajaran Dan Pembelajaran | |
| | 8.1.1 | Latihan Pengukuhan 1 | 55 |
| | 8.1.2 | Latihan Pengukuhan 2 | 56 |
| 8.2 | | Latihan Pengukuhan | |
| | 8.2.1 | Cari Jawapan Tersembunyi | 58 |
| 8.3 | | Keratan Akhbar | 60 |
| 8.4 | | Fakta Tambahan | |
| | 8.4.1 | Kemusnahan Hutan | 62 |
| 8.5 | | Sampel Poster | |
| | | <i>(Terdapat Di Dalam 'Cd-Rom' Yang Disertakan)</i> | |
| | 8.5.1 | Poster Kesan-Kesan Pembalakan Yang Tidak Terancang | 64 |
| 9 | | Unit 16: | |
| | | Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Tumbuh-Tumbuhan Semula Jadi Dan Hidupan Liar | |
| 9.1 | | Latihan Pengukuhan | |
| | 9.1.1 | Latihan 1: Isi Petak Kosong | 67 |

| | | | |
|------------|-------|--|----|
| | 9.1.2 | Latihan 2: Isi Petak Kosong | 69 |
| | 9.1.3 | Latihan 3: Padankan Soalan Dan Jawapan | 71 |
| 9.2 | | Fakta Tambahan | |
| | 9.2.1 | Penghutan Semula | 73 |
| 9.3 | | Keratan Akhbar | 74 |
| 9.4 | | Senarai Taman-Taman Negara Dan Negeri Di Malaysia | 75 |
| 9.5 | | Risalah Kawasan Semula Jadi Yang Boleh Dilawati Di Malaysia | |
| | 9.5.1 | Intitut Biodiversiti, Lanchang Dan Taman Negeri Perlis | 77 |
| | 9.5.2 | Hutan Diraja Belum, Perak Dan Taman Negeri Gunung Stong, Kelantan | 78 |
| 9.6 | | 'Power Point' - Pemeliharaan Dan Pemuliharaan | |
| | | Tumbuh-Tumbuhan Semulajadi Dan Hidupan Liar | |
| | | <i>(Terdapat Di Dalam 'Cd-Rom' Yang Disertakan)</i> | |
| | 9.6.1 | Perundangan Hidupan Liar | 79 |
| | 9.6.2 | Haiwan-Haiwan Yang Hampir Pupus Di Malaysia | 79 |
| | 9.6.3 | Jenis-Jenis Tapak Kaki Haiwan Di Hutan Malaysia | 80 |
| 10 | | Penghargaan | 81 |
| 11 | | Senarai Rujukan | 84 |

PENDAHULUAN

Penghasilan Kit Pendidikan Alam Sekitar (KPAS) ini adalah berdasarkan kepada ciri-ciri yang terdapat dalam Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar di bawah komponen kurikulum. Ia melibatkan rangkaian kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan agensi-agensi di bawahnya, badan kerajaan yang menjaga kepentingan sumber asli negara, institusi-institusi pengajian tinggi, pusat pendidikan alam sekitar serta badan bukan kerajaan lain yang berkaitan dengan alam sekitar. Penghasilan Model Pendidikan Alam Sekitar yang telah mengambilkira program-program dan aktiviti-aktiviti Pendidikan Alam Sekitar yang telah diperkenalkan di Malaysia serta di peringkat antarabangsa.

Kit Pendidikan Alam Sekitar untuk Tingkatan 1 ini digubal melalui 1 siri bengkel yang telah dianjurkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), KPM dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar & Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Perikanan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), LESTARI-UKM, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Global Environment Center (GEC), Wetlands International, guru-guru dan Tabung Alam Malaysia (WWF-Malaysia).

Penggunaan KPAS Tingkatan 1 ini akan membabitkan proses pengajaran dan pembelajaran ke atas pelajar-pelajar di empat buah sekolah rintis yang telah dikenalpasti di Semenanjung Malaysia iaitu SMK Damansara Jaya, Selangor; SMK Pinang Tunggul, Sg. Petani, Kedah; SMK Lanchang, Pahang dan SMK Taman Kota Jaya, Kota Tinggi, Johor. K.P.A.S. ini adalah selari dengan Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah bagi subjek Geografi, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Sains. Proses pembelajaran model ini akan melihat kepada kaedah pembelajaran; i) di dalam kelas, ii) di dalam kawasan sekolah serta iii) lawatan ke lapangan.

KATA-KATA ALUAN OLEH PENGARAH EKSEKUTIF WWF - MALAYSIA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
WWF-MALAYSIA

Salam Sejahtera,

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) khususnya Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) dalam usaha penghasilan Kit Pendidikan Alam Sekitar (KPAS) untuk Tingkatan 1. Sebagaimana yang semua sedia maklum, KPM telah diamanahkan dengan mandat dan tanggungjawab bagi mendidik anak bangsa untuk menghargai dan melindungi alam sekitar .

Dalam hasrat kerajaan untuk memelihara alam sekitar sambil mengharungi pelbagai cabaran, KPAS ini diharap akan dapat membantu para guru dan pelajar memahami dengan lebih lanjut tentang kepentingan menjaga dan memelihara alam sekitar. Ini bukannya bermaksud pembangunan harus dilupakan. Pembangunan yang lestari melalui perancangan yang teliti dengan mengambil kira kesejahteraan alam sekitar akan membantu keseimbangan ekologi dan seterusnya dapat membantu meningkatkan kualiti kehidupan kita.

KPAS ini mengandungi aktiviti-aktiviti, kaedah-kaedah dan penerangan-penerangan yang selari serta memperkukuhkan kandungan komponen alam sekitar matapelajaran-matapelajaran yang terpilih. Kandungan kit ini telah digubal melalui satu siri bengkel penggubalan KPAS dengan penyertaan dari agensi-agensi kerajaan yang lain, warga pensyarah universiti-universiti tempatan, pihak-pihak badan bukan kerajaan, guru-guru pakar dan guru-guru dari 4 buah sekolah rintis yang dipilih untuk program ini. Dengan penglibatan pihak-pihak ini, amatlah diharapkan agar KPAS ini dapat mencapai objektif yang ditetapkan dan mampu meraih sokongan dan kerjasama semasa proses perlaksanaannya.

Saya mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk mengucapkan setinggi-tinggi tanda penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan KPAS ini. Semoga KPAS ini dapat membuka lembaran baru bagi mempertingkatkan lagi usaha murni pihak KPM dan pihak-pihak lain dalam meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan alam sekitar di kalangan pelajar sekolah dan para guru yang terlibat.

Dato' Dr. Dionysius Shankar Sharma
Ketua Pegawai Eksekutif
WWF-Malaysia




Unit / Bab 8
KESAN KEGIATAN
MANUSIA TERHADAP
ALAM SEKITAR

1. AKTIVITI PENGUKUHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

1.1. LATIHAN PENGUKUHAN 1

Berdasarkan rajah di bawah, jawab soalan-soalan berikut:



SOALAN 1:

Senaraikan tiga jenis pencemaran yang ditunjukkan dalam rajah di atas.

Jawapan

1. Pencemaran Air
2. Pencemaran Tanah
3. Pencemaran Udara

SOALAN 2:

Nyatakan tiga kegiatan manusia yang memberi kesan seperti yang ditunjukkan.

1. Pembuangan sisa dari kilang dan domestik
2. Penggunaan baja kimia dan racun serangga
3. Pengeluaran asap kilang yang mengandungi karbon monoksida, karbon dioksida, habuk dan lain-lain tidak terkawal dan tidak ditapis
4. Penebangan yang tidak terkawal (kehilangan habitat flora dan fauna)
5. Pertanian yang menggunakan baja dan racun kimia
6. Perindustrian

SOALAN 3:

Apakah kesan kegiatan manusia terhadap alam sekitar seperti yang ditunjukkan dalam rajah?

1. Pencemaran Air

- a. Kematian hidupan akuatik (ekosistem air musnah contohnya hidupan air mati, air tercemar dengan sisa buangan toksid)
- b. Kehilangan sumber air bersih (mengurangkan sumber air bersih, meningkatkan kos penyelenggaraan loji rawatan air)
- c. Sungai mati (kurang aktiviti rekreasi, sumber pendapatan dari perikanan air tawar terjejas)
- d. Sumber penyakit (pembiakan vektor-vektor penyakit)

2. Pencemaran Tanah

- a. hilang kesuburan tanah (tanah tidak subur untuk tanaman, pendapatan petani terjejas)
- b. hakisan tanah (banjir kilat, tanah runtuh)
- c. ketandusan tanah (tanah tidak subur dan tandus)

3. Pencemaran Udara

- a. Pembentukan hujan asid
- b. Penipisan lapisan ozon
- c. Kesan Rumah Hijau
- d. Peningkatan suhu dunia
- e. Jerebu
- f. Penyakit salur pernafasan

1.2. LATIHAN PENGUKUHAN 2

Rujuk kepada lampiran Soalan 1 hingga soalan 3 berdasarkan foto di bawah ini.
foto 8.1



SOALAN 1:

Apakah yang anda dapat perhatikan dalam foto itu?

Jawapan:

Tanah runtuh

SOALAN 2:

Apakah kegiatan manusia yang menyebabkan kejadian yang ditunjukkan dalam foto?

Jawapan:

Pembalakan/Penebangan hutan yang tidak terancang
Penerokaan tanah untuk pertanian yang tidak terancang
Tarahan bukit yang tidak terancang untuk pembangunan

SOALAN 3:

Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi kejadian tersebut? Berikan contoh-contoh yang sesuai.

Jawapan:

Pembalakan

- a. Pembalakan terancang
- b. Penanaman semula
- c. Penguatkuasaan undang-undang (mengatasi masalah pembalakan haram)

Pertanian

- d. Penanaman yang terancang (mengikut lokaliti tanah)
- e. Tanaman tutup bumi (tumbuhan seperti kekacang)
- f. Penerasan cerun

Pembangunan

- g. Pembangunan terancang (mengikut Laporan Penilaian Alam Sekitar, EIA)
- h. Sistem saliran yang baik di cerun bukit
- i. Tanaman tutup bumi (tumbuhan seperti kekacang)

Soalan 4:

Apakah kesannya pada masa depan jika alam sekitar tidak dipelihara dan dipulihara?

Jawapan:

- a. Kekurangan sumber oksigen
- b. Kehilangan sumber air bersih (kawasan tadahan hujan terjejas)
- c. Kekurangan sumber makanan
- d. Kepupusan flora dan fauna
- e. Penipisan lapisan ozon (peningkatan sinaran ultra ungu di bumi)
- f. Gangguan ekosistem (sumber hutan, haiwan dan sebagainya)
- g. Kenaikan suhu dunia (pemanasan global)
- h. Pencairan ais di kutub (peningkatan aras laut, penenggelaman kawasan rendah)
- i. Perubahan iklim dunia
- j. Kehilangan sumber pendapatan negara

1.3. LATIHAN SUBJEKTIF

Lihat foto



SOALAN 1:

Apakah fungsi tong yang ditunjukkan dalam foto.

Jawapan:

Pengasingan bahan buangan untuk proses kitar semula dan pengurusan sampah sarap

Tong biru - kertas

Tong coklat - botol kaca

Tong oren - logam dan plastik

SOALAN 2:

Jika anda membina rumah di cerun bukit, apakah langkah yang harus anda ambil untuk mengelak berlakunya tanah runtuh yang boleh merosakkan rumah anda?

Jawapan:

- Pengurusan cerun bukit (kejuruteraan/laporan EIA/laporan pakar geologi)
- Pembinaan mengikut cerun
- Sistem saliran yang terancang
- Penerasan cerun
- Pembinaan tembok
- Penanaman pokok yang sesuai (mengikat butiran tanah)

Peringatan: sebaik-baiknya mengelakkan pembinaan di cerun bukit

SOALAN 3:

Nyatakan kesan-kesan kegiatan pertanian pindah terhadap alam sekitar.

Jawapan:

- Penebangan pokok yang menyebabkan ekosistem hutan terganggu
- Kemusnahan hutan (menjejaskan saiz kawasan tadahan)
- Kehilangan sumber hutan
- Penerangan hutan (mengakibatkan jerebu)
- Kandungan asid tanah bertambah (kualiti tanah terjejas)
- Kehilangan kesuburan tanah akibat penanaman satu jenis tanaman dalam jangka masa panjang
- Hakisan tanah

SOALAN 4:

Nyatakan langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan kesan kegiatan pembalakan terhadap alam sekitar.

Jawapan:

- a. Penghutan semula
- b. Rawatan Silvikultur¹
- c. Projek ladang hutan kompensatori
(pusingan 15 tahun spesies cepat tumbuh seperti Yemane dan Batai)
- d. Penebangan pokok terpilih
(pokok matang sahaja ditebang mengikut ukuran diameter yang diluluskan)
- e. Pembalakan kanopi (diangkut melalui udara)
- f. Menghadkan pengeluaran lesen pembalakan dan penguatkuasaan undang-undang
- g. Mewartakan hutan simpan dan taman negara

SOALAN 5:

Apakah kaedah yang boleh digunakan untuk mengawal makhluk perosak tanaman tanpa menggunakan racun serangga dan racun rumpai?

Jawapan:

- a. Kawalan biologi (mangsa dan pemangsa) - burung hantu untuk makan tikus di ladang kelapa sawit
- b. Pelbagaian tanaman (serangga perosak menyerang jenis tanaman tertentu sahaja)
- c. Penggiliran tanaman (serangga perosak menyerang jenis tanaman tertentu sahaja)

SOALAN 6:

Apakah jenis bahan buangan yang boleh dikitar semula untuk dijadikan barangan baru?

Jawapan:

- a. Kertas
- b. Kaca
- c. Aluminium
- d. Besi
- e. Plastik

¹ Silvikultur merupakan satu kaedah penanaman pokok-pokok secara sistematik di mana tumberan pokok, komposisi pokok, kesihatan, kualiti dan keadaan yang dapat menghasilkan pulangan yang optimum akan dipantau dalam memenuhi objektif pengusaha ladang.

SOALAN 7:

Mengapakah tanaman tutup bumi seperti kekacang dan rumput menjalar ditanam di ladang getah dan kelapa sawit?

Jawapan:

- a. Mengurangkan hakisan tanah
- b. Mengekalkan dan mengembalikan nutrien tanah
- c. Melindungi anak pokok (daripada haiwan perosak seperti tikus dan panas matahari)

SOALAN 8:

Pada pandangan anda apakah kesan kepada hidupan manusia jika alam sekitar tidak dipelihara?

Jawapan:

Kualiti hidup manusia merosot

- ❖ Udara dan air tercemar
- ❖ Kes penyakit meningkat (penyakit respiratori, barah kulit, katarak mata, pigmentasi kulit)
- ❖ Penyakit-penyakit baru muncul (SARS, selsema burung, JE)
- ❖ Sumber makanan terjejas (kebuluran, kematian)
- ❖ Perubahan iklim (kemarau panjang, banjir, ribut, hujan asid, pulau haba dan sebagainya)
- ❖ Konflik manusia-manusia dan konflik manusia-haiwan
(perang, serangan haiwan liar ke atas manusia, perebutan kawasan)

Semua gambarajah/foto/raajah dilampirkan dalam satu helaian untuk kemudahan guru membuat salinan kepada pelajar.

2. LATIHAN PENGUKUHAN

2.1. MENCARI JAWAPAN TERSEMBUNYI

Arahan : Cari jawapan tersembunyi untuk soalan di bawah



Soalan :

1. Berlaku sekiranya kawasan tadahan air semakin berkurangan.
2. Kaedahdigunakan untuk mengawal makhluk perosak.
3. Tanaman jenis ini di tanam untuk mengurangkan hakisan tanah.
4. Langkah ini digunakan untuk memelihara alam sekitar di kawasan pertanian.
5. Contoh bahan pencemar udara.
6. Pemandangan alam sesuatu kawasan.
7. Hakisan tanah berlaku paling teruk pada kawasan begini.
8. Berlaku sehingga menutup permukaan tanah oleh air.
9. Pelepasan asap dari kilang membawa kepada pencemaran.....
10. Pembalakan tidak dibenarkan di kawasansimpan kekal.
11. Penipisan lapisanboleh berpunca daripada penggunaan bahan klorofluorokarbon.
12. Petani mesti bijak untuk menggunakanserangga supaya tidak berlebihan.
13. Penebanganmerupakan kegiatan manusia yang boleh menyebabkan hakisan tanah.
14. Bahan ini (singkatannya).....telah dikenalpasti sebagai penyebab penipisan lapisan ozon.
15. Singkatan bagi jabatan kerajaan yang mengendalikan isu - isu alam sekitar.
16. Reptilia ini merupakan agen kawalan pengawal perosak di ladang kelapa sawit.
17. Hakisan tanah boleh menyebabkan pencemaran.....
18. Penggunaankimia secara tidak terkawal dalam pertanian boleh membawa kepada pencemaran tanah.

2.2 Jawapan:



Soalan :

1. Berlaku sekiranya kawasan tadahan air semakin berkurangan (krisis air)
2. Kaedahdigunakan untuk mengawal makhluk perosak (biologi)
3. Tanaman jenis ini ditanam untuk mengurangkan hakisan tanah (tutup bumi)
4. Langkah ini digunakan untuk memelihara alam sekitar di kawasan pertanian (teres)
5. Contoh bahan pencemar udara (debu)
6. Pemandangan alam sesuatu kawasan (lanskap)
7. Hakisan tanah berlaku paling teruk pada kawasan begini (gondol)
8. Berlaku sehingga menutup permukaan tanah oleh air (banjir)
9. Pelepasan asap dari kilang membawa kepada pencemaran.....(udara)
10. Pembalakan tidak dibenarkan di kawasansimpan kekal (hutan)
11. Penipisan lapisanboleh berpunca daripada penggunaan bahan klorofluorokarbon (ozon)
12. Petani mesti bijak untuk menggunakanserangga supaya tidak berlebihan (racun)
13. Penebanganmerupakan kegiatan manusia yang boleh menyebabkan hakisan tanah (pokok)
14. Bahan ini (singkatannya).....telah dikenalpasti sebagai penyebab penipisan lapisan ozon (CFC)
15. Singkatan bagi jabatan kerajaan yang mengendalikan isu-isu alam sekitar (JAS)
16. Reptilia ini merupakan agen kawalan pengawal perosak di ladang kelapa sawit (Ular)
17. Hakisan tanah boleh menyebabkan pencemaran.....(air)
18. Penggunaankimia secara tidak terkawal dalam pertanian boleh membawa kepada pencemaran tanah.(baja)

2.3. AUDIT ALAM SEKITAR SEKOLAH

Objektif :

1. Mengenalpasti bentuk muka bumi sekolah
2. Mengenalpasti aspek dan impak pencemaran alam sekitar di sekolah
3. Mendedahkan pelajar kepada keadaan persekitaran alam sekitar sekolah

Bahan Keperluan :

1. Buku Catatan
2. Pen
3. Kamera
4. Pelan Sekolah

Gerak kerja :

1. Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan
2. Setiap kumpulan akan mengadakan audit di kawasan tertentu mengikut aspek- aspek kajian alam sekitar. Contoh :
 - a. Pengurusan sisa pepejal / sampah sarap
 - b. Penggunaan tenaga dan air/ utility
 - c. Pengurusan bahan kimia
3. Buat kajian berdasarkan tajuk masing-masing berdasarkan kepada cara/ kaedah, pengurusan dan penggunaannya yang boleh menyumbang kepada pencemaran alam sekitar. Contoh seperti di senarai semak.
4. Bincang dan bentangkan kesemua hasil kajian di dalam kelas.

Contoh Senarai Semak:

Pengurusan Sisa Pepejal

| Bil | Item | Ya | Tidak | Tidak Berkenaan |
|-----|--|----|-------|-----------------|
| 1. | Adakah sekolah anda mempunyai tong sampah kitar semula ? | | | |
| 2. | Adakah sekolah menempatkan tong kitar semula untuk kaca di kantin sekolah? | | | |
| 3. | Adakah sekolah anda mempunyai tong untuk mengitar kertas ? | | | |
| 4. | Adakah sekolah anda mengitar semula buku ? | | | |
| 5. | Adakah sekolah anda menggunakan kertas kitar semula untuk mesin faks? | | | |

Petunjuk:

- Jika Ya : 2 Markah
Jika Tidak: 1 Markah
Jika Tidak Berkenaan: 0 Markah

3. FAKTA TAMBAHAN

3.1 PERUBAHAN IKLIM DUNIA

Perubahan Iklim Dunia akan berlaku sekiranya terdapat perubahan dalam 'Cuaca Purata' yang berlaku di sesuatu tempat. 'Cuaca Purata' merupakan satu penunjuk yang boleh mengukur elemen-elemen seperti suhu, pergerakan angin, kadar kelembapan udara dan sebagainya yang berkaitan dengan cuaca. Perubahan iklim dunia boleh berlaku di semua kawasan dan kejadian yang berlaku pada skala global yang besar akan merujuk kepada perubahan suhu dunia keseluruhannya.


3.1.1. KESAN RUMAH HIJAU

Perubahan Iklim Dunia terjadi apabila gas-gas yang dapat memanaskan bumi terperangkap di atmosfera. Gas-gas ini dikenali sebagai Gas-gas Rumah Hijau. Gas-gas ini adalah seperti wap air (H_2O), methana (CH_4), nitrus oksida (N_2O), karbon dioksida (CO_2) dan ozon (O_3).

Gas-gas ini memanaskan bumi dengan membenarkan kebanyakan cahaya matahari masuk ke atmosfera bumi tetapi menyerap dan menghalang haba dari dibebaskan ke angkasa mengakibatkan peningkatan suhu bumi. Proses ini juga dikenali sebagai 'Kesan Rumah Hijau' dan gas-gas ini dikenali sebagai Gas-gas Rumah Hijau.

Punca utama berlakunya perubahan iklim dunia boleh dikaitkan dengan proses 'Revolusi Industri' yang bermula pada 1750. Penebangan hutan untuk pembangunan, pertambahan penggunaan tenaga, pertambahan dalam penggunaan petroleum oleh kenderaan dan sebagainya telah membebaskan banyak kuantiti gas-gas rumah hijau ke atmosfera. Karbon dioksida merupakan gas yang paling banyak dibebaskan dan ia merupakan gas utama yang menyumbang kepada kesan ini. Kebanyakan pembebasan gas CO_2 ini adalah disebabkan oleh pembakaran bahan api yang berasaskan fosil (arang batu, petroleum dan gas asli) oleh industri.

KESAN RUMAH HIJAU




Tahukah Anda?

1. Tahun 1998 merupakan tahun yang terpanas sekali pernah direkodkan diikuti dengan tahun 2002 dan 2003
2. Setiap tan pembakaran karbon akan menghasilkan 3.7 tan CO_2
3. Di antara tahun 1750 sehingga 2000, kepekatan CO_2 , CH_4 dan N_2O di atmosfera telah meningkat sebanyak 31%, 151% dan 17% untuk setiap gas yang disebutkan
4. Paras CO_2 di atmosfera sekarang adalah tertinggi berbanding dengan 440,000 tahun dahulu
5. Dalam abad lepas, purata kenaikan suhu global telah meningkat sebanyak lebih kurang 0.6° dan jangkaan menunjukkan yang kenaikan ini akan lebih tinggi iaitu sebanyak 1.4° ke 5.8° pada akhir abad ke 21

3.1.2 PULAU HABA

Pulau haba merujuk kepada keadaan di mana berlakunya pemanasan kepada atmosfera dan permukaan di bandar berbanding dengan kawasan luar bandar. Pembinaan bangunan, jalanraya, pertambahan dalam industri dan penduduk menyebabkan suhu di bandar meningkat dengan lebih cepat berbanding dengan kawasan luar bandar. Peningkatan dalam suhu bandar adalah berbeza-beza bergantung kepada kepadatan penduduk dan kepesatan pembangunan. Kesan daripada pulau haba boleh diukur samada ianya berlaku pada keadaan setempat atau kesannya kepada skala global dan ini menunjukkan perkaitan diantara proses pambandaran terhadap perubahan alam sekitar.



Pulau haba merupakan satu contoh di mana berlakunya perubahan iklim tanpa disengajakan akibat dari proses pemodenan yang mengubah atmosfera dan keadaan permukaan bumi.

Penerangan Gambarajah 1:

Terdapat 3 jenis Pulau Haba Bandaran:


1. Pulau Haba Lapisan Kanopi
2. Pulau Haba Lapisan Sempadan
3. Pulau Haba Permukaan

Pulau Haba Bandaran jenis 1 dan 2 berlaku apabila udara memanaskan atmosfera bandar sementara jenis yang ke 3 merujuk kepada pemanasan yang berlaku di permukaan bandar. Lapisan Kanopi Bandar (LKB) merujuk kepada lapisan udara yang paling hampir ke permukaan bangunan, bersamaan dengan ketinggian bangunan yang terdapat di situ. Selepas lapisan ini, terdapat Lapisan Sempadan Bandar (LSB) yang menjangkau dari beberapa ratus meter sehingga ke satu kilometer. Lapisan LSB inilah yang memerangkap udara panas dalam bentuk kubah yang menyebabkan berlakunya suhu panas di kawasan bandar.

3.2. HUJAN ASID

Hujan asid merupakan hujan yang terhasil apabila udara yang tercemar dengan asap daripada kenderaan dan pembakaran arang batu terperangkap di udara bercampur dengan air hujan. Gas-gas yang dibebaskan ini; kebanyakannya adalah sulfur dioksida dan nitrogen, akan bercampur dengan air hujan untuk membentuk titisan-titisan asid.

Apabila hujan asid ini turun ke bumi, daun-daun pokok yang terkena air hujan ini akan rosak dan membebaskan racun-racun ke atas permukaan tanah apabila daun-daun ini gugur. Ini akan mengurangkan kesuburan tanah.



SAMPEL POSTER KESAN HUJAN ASID



Ayah, apa itu hujan asid?



Unit / Bab 11
PENGARUH
MANUSIA TERHADAP
CUACA DAN IKLIM

UNIT 11: PENGARUH MANUSIA TERHADAP CUACA DAN IKLIM

PEMBAKARAN TERBUKA



ASAP KENDERAAN



ASAP KILANG



1.1. LATIHAN PENGUKUHAN 1

Perhatikan rajah di atas dan jawab soalan-soalan berikut.

-Rajah-

SOALAN 1:

Mengapakah Khalid memakai topeng?

Jawapan

Pencemaran udara (Jerebu)

SOALAN 2:

Nyatakan punca-punca yang menyebabkan Khalid terpaksa memakai topeng tersebut.

Jawapan

Punca pencemaran udara

- Pembakaran terbuka
- Pelepasan asap kilang
- Pelepasan asap kenderaan bermotor
- Kebakaran hutan

Guru-guru dan murid-murid boleh merujuk kepada laman web www.climatefriendly.com untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang cara-cara yang boleh diambil untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang mesra cuaca.

1.1. LATIHAN PENGUKUHAN 2

AKTIVITI 1

ARAHAN: CARI JAWAPAN TERSEMBUNYI BERDASARKAN SOALAN-SOALAN DI BAWAH



1. Fenomena _____ menyebabkan kemusnahan hidupan akuatik dan mengaratkan struktur besi
2. Keadaan apabila terdapatnya debu, asap, abu dan gas di atmosfera, _____
3. Keadaan di mana atmosfera bandar mempunyai suhu yang lebih tinggi daripada kawasan sekitarnya dipanggil _____
4. Lapisan ozon melindungi hidupan daripada sinaran _____-ungu
5. Tempoh cuaca kering berpanjangan dikenali sebagai _____
6. Penggunaan bahan klorofluorokarbon (CFC) boleh menyebabkan penipisan lapisan _____
7. Kesan daripada peningkatan suhu akibat pembebasan gas karbon dioksida (CO_2) yang memerangkap haba dari bumi dikenali sebagai kesan _____
8. Lapisan udara yang mengelilingi bumi _____
9. Pembakaran bahan api _____ menambahkan kandungan gas CO_2 di udara
10. Haiwan dikenali juga dengan istilah _____
11. Jerebu kerap berlaku di kawasan _____
12. Peningkatan suhu menyebabkan pencairan ais di _____
13. Tumbuh-tumbuhan dikenali juga dengan istilah _____
14. _____ nitrogen terbebas dari kawasan perindustrian bercampur dengan wap untuk membentuk asid nitrik
15. Jerebu sering membawa kepada penyakit _____

1.1. LATIHAN PENGUKUHAN 2

AKTIVITI 1

ARAHAN: CARI JAWAPAN TERSEMBUNYI BERDASARKAN SOALAN-SOALAN DI BAWAH

Jawapan




1. Fenomena _____ menyebabkan kemusnahan hidupan akuatik dan mengaratkan struktur besi (Hujan Asid)
2. Keadaan apabila terdapatnya debu, asap, abu dan gas di atmosfera. _____ (Jerebu)
3. Keadaan di mana atmosfera bandar mempunyai suhu yang lebih tinggi daripada kawasan sekitarnya dipanggil _____ (Pulau Haba)
4. Lapisan ozon melindungi hidupan daripada sinaran _____ (ultra)-ungu
5. Tempoh cuaca kering berpanjangan dikenali sebagai _____ (Kemarau)
6. Penggunaan bahan klorofluorokarbon (CFC) boleh menyebabkan penipisan lapisan _____ (Ozon)
7. Kesan daripada peningkatan suhu akibat pembebasan gas karbon dioksida (CO_2) yang memerangkap haba dari bumi dikenali sebagai kesan _____ (Rumah Hijau)
8. Lapisan udara yang mengelilingi bumi _____ (Atmosfera)
9. Pembakaran bahan api _____ (fosil) menambahkan kandungan gas CO_2 di udara
10. Haiwan dikenali juga dengan istilah _____ (fauna)
11. Jerebu kerap berlaku di kawasan _____ (Industri)
12. Peningkatan suhu menyebabkan pencairan ais di _____ (Kutub)
13. Tumbuh-tumbuhan dikenali juga dengan istilah _____ (flora)
14. Gas-gas nitrogen terbebas dari kawasan perindustrian bercampur dengan wap untuk membentuk _____ nitrik (Asid)
15. Jerebu sering membawa kepada penyakit _____ (Mata)

AKTIVITI 2

MEWUJUDKAN TEDUHAN/POKOK ANGKAT DI KAWASAN SEKOLAH

1. Rancangkan satu aktiviti penanaman pokok.
2. Lakarkan peta sekolah anda dan tandakan 'T' di tempat-tempat yang telahpun mempunyai pokok.
3. Tandakan 'X' di tempat-tempat yang anda ingin tanami dengan pokok-pokok. Nyatakan sebab anda memilih tempat - tempat tersebut.
4. Nyatakan spesies - spesies yang telah anda pilih dan mengapa spesies tersebut dipilih.
5. Laksanakan rancangan anda dengan bantuan guru.
6. Sediakan buku catatan khas untuk memantau pertumbuhan pokok - pokok yang di tanam serta perhatikan dan catitkan jenis haiwan yang menjadikan pokok tersebut sebagai habitatnya.
7. Adakah anda dapat mengenalpasti spesies perintis yang berada di situ? Jalankan pemantauan ini secara berkala bagi mengenalpasti jenis diversiti kawasan tersebut.
8. Bolehkah anda mengenalpasti rantai makanan yang ringkas di situ.



AKTIVITI 3:


MELIHAT KEKOTORAN DI DALAM AIR HUJAN

Bahan :


Kertas Turas
Sebiji Botol

Langkah :

1. Lipat kertas turas menjadi sebuah kon (Lihat Rajah) dan letak di dalam corong turas .
2. Letakkan corong tersebut di mulut botol
3. Kemudian, letakkan kertas ini di tempat yang lapang di luar sekolah atau rumah.
4. Setelah air hujan terkumpul di dalamnya , buka lipatan kertas turas dengan berhati - hati dan letakkannya di atas piring.
5. Labelkan ia 'air hujan' .
6. Gunakan bikar bersengat untuk menyukat jumlah air yang telah di kumpul
7. Minta beberapa keping kertas litmus daripada guru anda .
8. Gunakan kertas litmus ini untuk mengetahui nilai pHnya.
9. Bincangkan hasil kajian dan kaitkan dengan kualiti air hujan di rumah anda untuk perbandingan.



Kereta turas
dilipat dan
diletakkan di
corong



AKTIVITI 4:

MENGENAL PASTI TAHAP PENCEMARAN UDARA DI SEKOLAH

Bahan :

Dua keping piring petri
Dua jalur slaid
Gliserin

Langkah :

1. Sapukan gliserin di atas jalur slaid
2. Letakkan jalur slaid tadi di atas piring Petri
3. Letak piring Petri di dua lokasi berbeza
 - a. Luar bilik darjah
 - b. Dalam bilik darjah
4. Biarkan selama satu hari
5. Bandingkan permukaan kedua - dua keping slaid tersebut
6. Bincangkan hasil kajian anda. Adakah terdapat perbezaan warna di antara kedua - dua jalur slaid tersebut.
7. Pada pendapat anda apakah yang menyebabkan perbezaan warna kepada slaid tersebut.
8. Kaitkan hasil kajian anda dengan keadaan persekitaran kawasan sekolah.



3. FAKTA TAMBAHAN

10 Perkara Penting yang Perlu Dilakukan Berkenaan Pemanasan Global.

1. Fahami tentangnya - dengan mencari artikel daripada suratkhbar atau laman web sebagai rujukan.
2. Menggunakan kenderaan yang mesra alam - seperti menggunakan pengangkutan awam atau kenderaan yang menggunakan ethanol atau biodisel.
3. Menggunakan peralatan rumah yang berkesan, menggunakan lampu yang mempunyai voltan yang rendah dan menjimatkan elektrik
4. Membeli belah dengan bijak: Beli produk yang boleh dan diperbuat daripada bahan yang dikitar semula. Ini boleh menjimatkan wang dan mengurangkan pencemaran.
5. Mengalakkan penduduk setempat mengamalkan sikap untuk menjimatkan tenaga.
6. Mengalakkan penanaman lebih banyak pokok, mengadakan lebih banyak kawasan yang terbuka, menggunakan pengangkutan awam dan merancang pembangunan dengan lebih teratur.
7. Mengalakkan penggunaan sumber tenaga solar dalam membangunkan kawasan perumahan yang baru.
8. Penyelidikan dan pembangunan terhadap pertanian dan perhutanan yang lebih lestari seperti menjalankan penyelidikan terhadap tumbuhan yang boleh menghasilkan ethanol dan biofuel.
9. Galakkan oleh kerajaan seperti memperkenalkan polisi yang berkaitan dengan penggunaan tenaga yang berkesan dan memberi insentif terhadap pengguna kenderaan yang mesra alam.
10.mulakan perkara-perkara di atas **SEKARANG SEBELUM TERLAMBAT.**

Berita Harian (15/11/2006 Dunia muka 19)

Perubahan cuaca faktor burung pupus

NAIROBI: Perubahan iklim tidak dipantau boleh menyebabkan kira-kira 72 peratus spesies burung di sesetengah kawasan pupus tetapi dunia masih berpeluang menegahadkan kepupusan itu, kata kumpulan pemuliharaan Pertubuhan Hidupan Liar Dunia (WWF).

Daripada burung pemakan serangga penghijrah hingga ke burung penghisap madu dan penguin, spesies unggas ini sensitif kepada perubahan cuaca dan banyak spesies yang sudah terjejas teruk akibat pemanasan global, kata satu kajian terbaru.

"Burung kini menjadi pemberi isyarat bahawa pemanasan global mewujudkan perubahan besar dan memberi kesan kepada ekosistem," kata WWF dalam satu laporan.

"Bukti yang ada menunjukkan bahawa perubahan iklim turut memberi kesan kepada tabiat burung dengan sesetengah burung penghijrah gagal berhijrah langsung.

Pada masa depan masalah kepanasan bumi yang tidak dipantau, boleh menyebabkan sejumlah besar spesies burung terdedah kepada risiko pupus, bergantung kepada wilayah, iklim dan suasana setempat.

WWF berkata kepupusan boleh dicegah jika penguatkuasaan undang-undang melindungi alam sekitar dilaksanakan, manakala penyebaran gas rumah hijau dihalang untuk memastikan kepanasan bumi meningkat kurang 2°C di atas paras pra-industri.

Sebilangan burung yang mengalami kepupusan di Eropah dan Amerika juga menghadapi masalah kekurangan bekalan makanan yang semakin teruk berikutan kepanasan global yang disebabkan pencemaran akibat bahan bakar.

Laporan itu juga menyatakan bahawa di utara Hudson Bay di Kanada, nyamuk didapati membiak dengan banyaknya pada awal musim panas, tetapi burung laut yang bertelur di kawasan itu tidak dapat menyesuaikan diri dengan tabiat mereka.

Kedua sama juga berlaku di Belanda dan ia menyebabkan jumlah burung penangkap serangga merosot sehingga 90 peratus sejak 20 tahun lalu.

"Kebanyakan spesies yang masih selamat tinggal di kawasan perlindungan dan mungkin terpaksa meninggalkan kawasan itu jika iklim berubah," kata laporan itu. - Reuters

5. 'POWER POINT'

('Power Point' boleh didapati dalam CD-Rom yang disertakan)

1. 'POWER POINT' 1: PENGARUH CUACA DAN IKLIM TERHADAP KEGIATAN MANUSIA



HELAIAN 1

BULAN MONSUN (JUN - SEPTMBER)

CIRI-CIRI IKLIM

- PANAS DAN KERING
- MIN SUHU TAHUNAN 27 C – 41 C
- JULAT SUHU HARIAN DAN TAHUNAN TINGGI
- HUJAN TAHUNAN KURANG 250MM
- TIADA LITUPAN AWAN

KEGIATAN MANUSIA:

- PERTANIAN(GANDUM KAPAS)
- PENTERNAKAN(BIRI-BIRI DAN UNTA)
- HIDUP SECARA NOMAD

HELAIAN 2

ZON SEDERHANA KAWASAN

CIRI-CIRI IKLIM

- MUSIM PANAS SINGKAT DAN SEDERHANA PANAS
- MUSIM SEJUK PANJANG DAN SANGAT SEJUK
- JULAT SUHU TAHUNAN BESAR 40 C
- HUJAN TAHUNAN 500MM
- TURUN PADA MUSIM PANAS
- HUJAN PEROLAKAN
- KERPASAN DALAM BENTUK SALJI PADA MUSIM SEJUK

KEGIATAN MANUSIA

- PEMBALAKAN (HUTAN KONIFER)
- MENJERAT/ MEMBURU BINATANG PADA MUSIM SEJUK
- PENTERNAKAN RUSA
- PERLOMBONGAN PETROLEUM,
- GAS ASLI, BATU PERMATA
- PERTANIAN CAMPUR DI KAWASAN LEBIH PANAS.



HUTAN POKOK TIRUS



KABIN MUSIM SEJUK



MEMILIKI BINATANG



PEMBAKALAN POKOK TIRUS



HARIMAU SIBERIA



PENTERNAKAN RUSA

HELAIAN 3

ZON IKLIM SEJUK



GREENLAND

CIRI-CIRI IKLIM

- MUSIM PANAS PENDEK DAN SEDERHANA SEJUK (1 - 5 DARJAH CELSIUS)
- MUSIM SEJUK PANJANG DAN TERLAMPAU SEJUK (-4 -22 DARJAH CELSIUS) JULAT SUHU TAHUNAN BESAR
- JUMLAH HUJAN TAHUNAN 250MM (MAKSIMUM PADA MUSIM PANAS)
- SALJI TURUN PADA MUSIM SEJUK
- RIBUT SALJI DAN ANGIN KENCANG PADA MUSIM SEJUK

KEGIATAN MANUSIA

- KEGIATAN PERTANIAN TIDAK DAPAT DIJALANKAN KERANA PERMUKAAN BUMI DILITUPI AIS
- KEGIATAN MENANGKAP IKAN DAN MEMBURU BINATANG DIJALANKAN.
- HIDUP SECARA BERPINDAH RANDAH MENGIKUT PERUBAHAN MUSIM

HELAIAN 4

2. 'POWER POINT' 2 - PENGARUH MANUSIA TERHADAP CUACA DAN IKLIM



HELAIAN 1

KEGIATAN MANUSIA

1. PEMBALAKAN
2. PERTANIAN
3. PERINDUSTRIAN
4. PEMBANDARAN
5. PENGANGKUTAN

A collage of four images illustrating human activities. The top image shows a clear blue sky. The middle image shows a large pile of trash or waste. The bottom-left image shows a car driving on a road, kicking up dust. The bottom-right image shows a traffic light.

HELAIAN 2

KESAN

1. PENINGKATAN SUHU
2. KESAN RUMAH HIJAU
3. PENIPISAN LAPISAN OZON
4. KEMARAU
5. JEREBU
6. HUJAN ASID
7. PULAU HABA BANDAR



HELAIAN 3

SUMBANGAN ANDA

MEMBAZIR

- ELEKTRIK
- AIR
- MAKANAN
- KERTAS DAN LAIN-LAIN BAHAN YANG BOLEH DIKITAR SEMULA
- MENGGUNA BARANGAN YANG MENGANDUNGI BAHAN CFC



HELAIAN 4

MASA DEPAN KITA



HELAIAN 5




Unit / Bab 14
KEPENTINGAN
TUMBUH-TUMBUHAN
SEMULA JADI

1. SEPINTAS LALU BAB 12 DAN 13

'PETA TABURAN TUMBUH-TUMBUHAN SEMULA JADI DI MALAYSIA'
(Sepintas lalu bab 12 dan 13 dilampirkan dalam CD-Rom)

1.1 PETA TABURAN TUMBUH-TUMBUHAN DI MALAYSIA

Taburan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi Malaysia.



2. AKTIVITI PENGUKUHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

2.1. LATIHAN PENGUKUHAN 1

SOALAN 1:

Apakah kepentingan kawasan tadahan di negara kita?

Jawapan:

- Punca/Sumber air
- Menyerap air hujan untuk disimpan sebagai air bawah tanah.
- Mengurangkan hakisan akibat daripada air larian permukaan

SOALAN 2:

Pada pandangan anda, apakah yang akan terjadi jika kawasan hutan tebal di negara kita diterokai secara berleluasa tanpa kawalan?

Jawapan:

- Perubahan landskap
- Gangguan ekosistem
- Kawasan tadahan air terjejas
- Pencemaran (air dan udara)
- Kehilangan habitat (kehilangan kepelbagaian biologi/spesies)
- Kehilangan bank genetik
- Kehilangan sumber hutan
- Kehilangan sumber ubat-ubatan tradisional
- Kehilangan sumber pendapatan negara

2.2. LATIHAN PENGUKUHAN 2

SOALAN 1:

Lihat peta 14. Nyatakan kepentingan kawasan-kawasan yang dilorekkan.

Jawapan:

- Kawasan pemeliharaan sumber hutan
- Kawasan perlindungan spesies flora dan fauna
- Kawasan rekreasi/pendidikan/kajian/ekopelancongan

SOALAN 2:

Sekiranya hutan di negara kita diterokai sepenuhnya, apakah yang akan berlaku kepada habitat tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar?

Jawapan:

- Kepupusan spesies flora dan fauna
- Tiada kesinambungan spesies untuk generasi akan datang

SOALAN 3:

Hutan di negara kita memang kaya dengan pelbagai spesies flora dan fauna yang istimewa. Sekiranya anda seorang pegawai pelancongan, bagaimanakah caranya anda menarik pelancong asing supaya menghayati keistimewaan ini.

Jawapan:

Mempromosi/Memberi maklumat tepat dan jelas tentang keistimewaan flora dan fauna di Malaysia melalui risalah, laman web, CD-ROM, bahan bacaan, dokumentari dan sebagainya.

2.3. LATIHAN PENGUKUHAN 3

SOALAN 1:

Selain menjadi habitat hidupan air, apakah kepentingan lain hutan paya air masin yang terdapat di negara kita.

Jawapan:

- Kawasan penampakan hakisan ombak/ribut/tsunami.
- Sumber kayu bakau (cerucuk, kayu arang, penghasilan cuka untuk kosmetik dan proses penyamakan kulit binatang)
- Perangkap sampah sarap
- Santuari burung (burung berhijrah)
- Kawasan kajian/ekopelancongan
- Habitat hidupan (kelip-kelip, monyet, biawak dan lain-lain)

SOALAN 2:

Pada pendapat anda, apakah sumbangan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar Malaysia dalam meningkatkan ekonomi negara?

Jawapan:

- Tumbuhan semula jadi:
 - sumber kayu kayan
 - sumber ubat-ubatan
 - sumber makanan (madu, buah-buahan dan ulam-ulaman)
 - sumber genetik hutan
 - ekopelancongan
 - sumber air
- Hidupan Liar
 - sumber rujukan spesies
 - sumber genetik haiwan
 - ekopelancongan

SOALAN 3:

Cuba ramalkan bagaimana kehidupan kita sekiranya negara tidak mempunyai sebarang tumbuh-tumbuhan semula jadi pada suatu masa nanti?

Jawapan:

Gangguan ekosistem yang akan mengakibatkan:

- Kualiti udara terjejas
- Kehilangan sumber air
- Kehilangan sumber makanan dan ubat-ubatan
- Kehilangan sumber pendapatan (pembalakan, ekopelancongan)
- Kepupusan spesies flora dan fauna

3. LATIHAN PENGUKUHAN


Kepelbagai Biologi atau Biodiversiti

'Bio' - segala kehidupan dan 'diversiti' - kepelbagaian

Biodiversiti bermaksud segala gen, spesies dan ekosistem yang terdapat di dalam satu kawasan luas yang tidak dapat ditentukan sempadannya. Kemusnahan Biodiversiti berlaku akibat daripada aktiviti-aktiviti seperti pembersihan dan pembakaran hutan.

SOALAN LATIHAN 1 :

1. Tuliskan peranan pokok terhadap alam sekitar dan manusia



Sumber dari <http://dnr.state.il.us>

JAWAPAN LATIHAN 1 :

1. Tuliskan kepentingan pokok terhadap alam sekitar dan manusia

1. membebaskan wap air ke atmosfera
2. mengurangkan gas CO₂ di atmosfera
3. bertindak sebagai span untuk menyimpan air

4. Tempat untuk bermain - panjat, membuat rumah pokok
5. memberi perlindungan daripada panas matahari
6. tempat tinggal untuk haiwan



7. mengurangkan kesan Rumah Hijau
8. sumber ubatan
9. membekalkan nutrient tanah

10. membekalkan kayu kayan untuk perabot, rumah dan sebagainya
11. membebaskan O₂ untuk kegunaan manusia dan haiwan

4. FAKTA TAMBAHAN

3.1 TAHUKAH ANDA

1. Hutan Hujan dahulu meliputi sebanyak 14% dari keseluruhan daratan di muka bumi kita dan sekarang dianggarkan hanya kira-kira 6% sahaja yang tinggal.
2. Pakar-pakar menganggarkan bahawa hutan-hutan ini akan hilang sepenuhnya dalam masa 40 tahun lagi sekiranya langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan tidak dilakukan.
3. Dianggarkan juga sebanyak 1 ekar hutan hujan ditebang setiap saat di negara-negara membangun dan perindustrian.
4. Sekurang-kurangnya separuh daripada spesies-spesies pokok, haiwan dan mikroorganisma akan pupus atau terancam dalam suku abad ini akibat dari penebangan hutan hujan ini.
5. Pakar-pakar menganggarkan yang kita akan kehilangan 137 spesies tumbuhan, haiwan dan serangga setiap hari akibat daripada aktiviti penebangan hutan. Angka ini adalah bersamaan dengan 50,000 spesies setahun.
6. Hutan Hujan juga membekalkan sumber ubatan kepada manusia. Kemusnahan hutan akan menyebabkan berlakunya penyakit-penyakit yang merbahaya kepada manusia.

3.2 UNIT 14: KEPENTINGAN TUMBUH-TUMBUHAN SEMULAJADI DAN HIDUPAN LIAR

1. MALAYSIA DIIKTIRAF SEBAGAI SALAH SATU DARIPADA 12 BUAH NEGARA DI DUNIA KERANA KEKAYAAN WARISAN SEMULAJADI.

SUMBER: WWF-MALAYSIA



2. MALAYSIA MEMPUNYAI HUTAN HUJAN YANG TERTUA DI DUNIA LEBIH TUA DARIPADA HUTAN AMAZON (AMERIKA SELATAN) DAN CONGO (AFRIKA). HUTAN HUJAN INI TERBENTUK 130 JUTA TAHUN DAHULU LEBIH AWAL DARIPADA HUTAN HUJAN LAIN YANG TERDAPAT DI DUNIA KITA.

SUMBER: LAMAN RASMI 'BADAN TINDAKAN PELANCONGAN MALAYSIA, NEW YORK'



3. TERDAPAT LEBIH DARIPADA 800 SPESIES POKOK YANG BERLAINAN DI DALAM _ KILOMETER PLOT KAWASAN HUTAN TANAH RENDAH DI BORNEO (DIPTEROCARPA)

SUMBER: LAMAN RASMI 'BADAN TINDAKAN PELANCONGAN MALAYSIA, NEW YORK'

4. MALAYSIA MERUPAKAN NEGARA YANG MEMPUNYAI SPESIES ORKID YANG TERBANYAK DI DUNIA, DI MANA GUNUNG KINABALU DAN SEBAHAGIAN DARI BANJARAN CROCKER DI SABAH MEMPUNYAI KETUMPATAN BILANGAN ORKID YANG TERTINGGI DI DUNIA.

SUMBER: WWF-MALAYSIA



5. MALAYSIA JUGA MERUPAKAN HABITAT BAGI SPESIES GAJAH YANG TERKECIL DI DUNIA IAITU GAJAH PIGMY.
SUMBER: WWF-MALAYSIA



6. TAMAN NEGARA MERUPAKAN HABITAT BAGI 10,000 SPESIES TUMBUHAN; 350 SPESIES BURUNG.
SUMBER: LAMAN RASMI 'BADAN TINDAKAN PELANCONGAN MALAYSIA, NEW YORK'

7. DARIPADA 16 SPESIES RAFFLESIA (BUNGA YANG TERBESAR DI DUNIA) YANG DIKETAHUI, TUJUH DARIPADANYA TERDAPAT DI MALAYSIA.
SUMBER: WWF-MALAYSIA



8. BEBERAPA CIRI SISTEM GUA MULU DI SARAWAK ANTARANYA TERDIRI DARIPADA 'SARAWAK CHAMBER', RUANGAN GUA SEMULAJADI YANG TERBESAR DI DUNIA DAN MAMPU MENAMPUNG GEREJA ST. PAUL, LONDON; DEER CAVE, GUA YANG MEMPUNYAI LALUAN YANG TERBESAR DI DUNIA SERTA CLEARWATER CAVE, GUA YANG TERPANJANG DI ASIA TENGGARA MENJANGKAU PANJANG SEBANYAK 108 KILOMETER DAN INI DIANGGARKAN HANYA 1/3 DARI PANJANG YANG SEBENARNYA.
SUMBER: LAMAN WEB 'MELAWAT MALAYSIA'



9. TERUMBU KARANG DI MALAYSIA MENGANDUNGI 9 KALI LEBIH TINGGI KETUMPATAN SPESIES-SPESIES BERBANDING YANG TERDAPAT DI CARIBBEAN.
SUMBER: WWF-MALAYSIA



10. DENGAN KETINGGIAN 4,101 METER, GUNUNG KINABALU MERUPAKAN PUNCAK YANG TERTINGGI DI ASIA TENGGARA.
SUMBER: PELANCONGAN MALAYSIA



11. ULAR SAWA YANG TERPANJANG DI MALAYSIA TELAH DICATATKAN SEBAGAI ULAR SAWA YANG TERPANJANG DI DUNIA (33 KAKI)

SUMBER: WWF-MALAYSIA



12. DARI SEJUMLAH 1,220 - 1,785 HARIMAU INDO-CHINA YANG TINGGAL DI DUNIA, MALAYSIA MENJADI HABITAT KEPADA LEBIH KURANG 500 EKOR DARIPADANYA.

SUMBER: WWF-MALAYSIA



